

DOMPER® TABLET

Domperidone (10mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan DOMPER® TABLET
2. Bagaimana DOMPER® TABLET berfungsi
3. Sebelum menggunakan DOMPER® TABLET
4. Cara menggunakan DOMPER® TABLET
5. Semasa menggunakan DOMPER® TABLET
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan DOMPER® TABLET
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Product
10. Tarikh kemas kini RiMUP

Apakah kegunaan DOMPER® TABLET

DOMPER® TABLET digunakan untuk kelegaan simptomatik bagi loya dan muntah.

Bagaimana DOMPER TABLET berfungsi

DOMPER® TABLET adalah sejenis ubat antiemetic dan prokinetic. Ia berfungsi dengan menyekat tindakan sejenis bahan kimia dalam otak yang menyebabkan rasa loya dan muntah. DOMPER® TABLET juga meningkatkan pergerakan atau pengecutan perut dan usus; ini meningkatkan kadar pergerakan makanan dalam perut.

Sebelum menggunakan DOMPER® TABLET

- Bila tidak boleh menggunakan

Jangan mengambil DOMPER® TABLET jika anda:

- mempunyai alahan terhadap domperidone atau mana-mana bahan lain yang terkandung dalam ubat ini (disenaraikan dalam Maklumat lanjut).
- mempunyai masalah hati yang sederhana hingga serius
- mempunyai tumor kelenjar pituitari yang dikenali sebagai prolactinoma
- mengalami kekejangan perut yang teruk atau najis yang berwarna hitam secara berterusan
- mengalami masalah jantung.
- mengalami keadaan di mana peningkatan dalam pengecutan perut atau usus boleh membahayakan

anda. Sebagai contoh, jika anda sedang mengalami saluran pencernaan berdarah atau tersumbat

- Sebelum menggunakan DOMPER® TABLET

Sila beritahu ahli profesional kesihatan anda jika:

- Anda hamil atau merancang untuk hamil.
- Bayi anda berumur kurang daripada 1 tahun.
- Anda sedang menyusu atau ingin menyusu. (DOMPER® TABLET tidak digalakkan diambil semasa hamil kerana domperidone boleh dijumpai di dalam susu ibu tetapi pada tahap yang sangat rendah.)
- Anda mengalami atau pernah mengalami penyakit hati atau buah pinggang.
- Anda tidak boleh menghadamkan laktosa yang merupakan sejenis gula yang terdapat dalam susu dan produk susu.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor jika anda mengambil sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasar raya, atau kedai makanan kesihatan.

DOMPER® TABLET mungkin berinteraksi dengan sesetengah ubat. Sila beritahu ahli profesional kesihatan anda sekiranya anda sedang mengambil ubat-ubatan yang tersenarai di bawah:

- ubat untuk merawat jangkitan kulat seperti antikulat azole
- antibiotik seperti clarithromycin, levofloxacin dan erythromycin
- amiodarone, disopyramide, quinidine yang digunakan untuk merawat kadar jantung yang tidak tetap
- ubat untuk rawatan penyakit mental seperti haloperidol, pimozide
- antidepresan seperti citalopram dan escitalopram
- Cisapride untuk rawatan pedih ulu hati

Cara menggunakan DOMPER® TABLET

- Berapa banyak harus digunakan

Anda harus sentiasa mengambil dos DOMPER® TABLET yang paling rendah yang berkesan untuk anda, dan anda tidak sepatutnya mengambilnya

lebih lama daripada yang diperlukan. Walaupun dos DOMPER® TABLET yang biasanya disyorkan dinyatakan di bawah, doktor anda mungkin menyesuaikan dos berdasarkan keperluan peribadi anda.

DOMPER® TABLET paling berkesan jika diambil 15-30 minit sebelum makan.

Dewasa dan remaja (12 tahun ke atas) dengan berat badan 35 kg atau lebih; kanak-kanak dengan berat badan 35 kg atau lebih:

Tablet: Ambil 1 tablet 3 hingga 4 kali sehari. Jangan ambil lebih daripada 4 tablet sehari (40 mg/hari).

Bayi dan kanak-kanak di bawah umur 12 tahun dengan berat badan kurang daripada 35 kg:

Keberkesanan DOMPER® TABLET belum terbukti pada bayi dan kanak-kanak di bawah umur 12 tahun dengan berat badan kurang daripada 35 kg.

Doktor anda mungkin mengurangkan dos jika anda mempunyai masalah buah pinggang.

- Bila perlu digunakan

Gunakan ubat ini mengikut tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

- Berapa lama perlu digunakan

DOMPER® TABLET harus digunakan selagi doktor anda mengesyorkan ubat ini. Biasanya, tempoh masa rawatan maksimum tidak boleh melebihi satu minggu untuk rawatan muntah dan rasa loya akut. Jika muntah dan rasa loya berterusan lebih daripada satu minggu, anda perlu berjumpa dengan doktor. Untuk rawatan lain, tempoh rawatan adalah sehingga 4 minggu.

- Jika anda terlupa menggunakan

Ambil dos yang tertinggal sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos yang tertinggal dan kemudian teruskan mengambil ubat mengikut jadual seperti biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

DOMPER[®] TABLET

Domperidone (10mg)

- Jika menggunakannya secara berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika dos berlebihan telah digunakan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Pengambilan DOMPER[®] TABLET yang terlalu banyak boleh mengakibatkan rasa mengantuk, kekeliruan dan pergerakan yang tidak terkawal seperti pergerakan mata yang tidak tetap atau postur yang tidak normal seperti leher terpulasku.

Semasa menggunakan DOMPER[®] TABLET

- Perkara yang perlu dilakukan

Guna ubat anda mengikut arahan doktor.

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan DOMPER[®] TABLET.

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda hamil semasa menggunakan ubat ini.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.

Jangan mula menggunakan sebarang ubat baharu tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan berikan DOMPER[®] TABLET kepada sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama dengan anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Guna dengan berhati-hati untuk pesakit dengan kerosakan buah pinggang.

Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, DOMPER[®] TABLET boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang akan mengalaminya.

Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami

sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini.

Toleransi bagi kesan tindakan

Domperidone adalah baik.

Kesan-kesan sampingan dilaporkan seperti berikut:

Sistem saraf pusat: mulut kering, sakit kepala, insomnia, pening dan dahaga.

Gastrosus: Kekejangan sementara perut yang ringan, cirit-birit.

Endokrin: Domperidone boleh meningkatkan tahap prolaktin, boleh membawa kepada mastalgia, galaktorea atau pembesaran buah dada secara abnormal bagi lelaki.

Kardiovaskular: Edema, denyutan jantung yang cepat dan deras yang biasanya dirasakan oleh pesakit sebagai dengupan jantung yang tidak normal.

Pediatric: gangguan extrapyramidal

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npa.gov.my [*Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)*].

Cara penyimpanan dan pelupusan DOMPER[®] TABLET

- Penyimpanan

Simpan di bawah suhu 30°C dan elakkan daripada terdedah kepada cahaya dan kelembapan.

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Tablet berwarna putih, satu bahagian dengan skor “”, dan

bahagian lain bertanda “”.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif
Domperidone

- Bahan tidak aktif
Lactose

Povidone

Sodium Starch Glycolate

Magnesium Stearate

- Nombor MAL

MAL19972516AZ

Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk

Y.S.P. Industries (M) Sdn. Bhd.
Lot 3, 5, 7, 12 & 14, Jalan P/7, Section 13, Kawasan Perindustrian Bandar Baru Bangi, 43000 Kajang, Selangor, Malaysia.

Tarikh kemas kini RiMUP:

12/09/2025

Nombor Siri

NPRA(R2/1)250911/01541